

Soalan KBAT 1:

Pengaruh media sosial antara faktor utama yang menyumbang ke arah keruntuhan sesebuah institusi keluarga.

Huraikan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas

Rangka Jawapan KBAT

Isi	Fitnah dan mengadu domba dalam media sosial
Huraian	adalah salah satu punca pergaduhan sesama ahli keluarga
Huraian lengkap	Hal ini menyebabkan berlaku keretakan institusi keluarga seperti yang tersebar melalui whatsapp, facebook, Instagram dan sebagainya.
Kesimpulan	Oleh itu, kita hendaklah berhati-hati menggunakan media sosial agar tidak menimbulkan fitnah dan sebagainya.

Cara menulis jawapan di kertas soalan:

Fitnah dan mengadu domba dalam media sosial adalah salah satu punca pergaduhan sesama ahli keluarga. Hal ini menyebabkan berlaku keretakan institusi keluarga seperti yang tersebar melalui facebook, whatsapp, instagram dan sebagainya. Oleh itu, kita perlu berhati hati menggunakan media sosial agar tidak menimbulkan fitnah dan sebagainya.

Latihan KBAT 2

Anak yang baik adalah anak yang sentiasa mendoakan kesejahteraan ibu bapanya. Pada pandangan anda , bagaimanakah didikan yang perlu oleh ibu bapa agar anak-anak menjadi anak yang soleh.

JAWAPAN:
